

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2015/2016

Mei/Jun 2016

**JMK 214 - Kajian Teks Melayu Klasik Terpilih**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT soalan sahaja. Bahagian A wajib dijawab. Jawab SATU (1) soalan daripada Bahagian B dan 2 (DUA) soalan daripada Bahagian C.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

**BAHAGIAN A (WAJIB)**

Daripada bahagian ini, anda WAJIB menjawab semua soalan-soalan kecil (i) hingga (iv). Beri jawapan berbentuk nota ringkas.

1. (i) Kepentingan dan relevansi konteks sejarah dalam mengkaji Teks Melayu Klasik.
- (ii) Berikan contoh-contoh campur-baur antara unsur-unsur Pra-Islam, Sejarah Lisan dan Islam dalam sesetengah Teks Melayu Klasik.
- (iii) Ketokohan dan kedudukan Pengarang-pengarang Istana yang melahirkan Teks Melayu Klasik terpilih.
- (iv) Unsur dan peranan Wasiat dalam karya-karya terpilih Teks Sastra Melayu Klasik.

(20 markah)

**BAHAGIAN B**

Jawab SATU (1) soalan sahaja.

2. Dalam buku berjudul *The Study of Traditional Malay Literature with a Selected Bibliography* (1974: 11-12) Profesor Ismail Hussein telah menyatakan bahawa “khazanah sastra Melayu tradisional terdiri daripada kira-kira 5,000 naskhah/manuskrip – yang boleh diklasifikasikan kepada (beberapa genre)...”. Beri pandangan anda tentang genre dalam khazanah sastra Melayu tradisional.

(20 markah)

3. “*Hikayat Hang Tuah* tidak menepati ‘definisi epik’ yang lazim digunapakai dalam Bidang ilmiah Kesusasteraan; tetapi dipersetujui oleh para sarjana tempatan bahawa karya ini tetap mengandungi ‘ciri-ciri epik’.” Bincangkan.

(20 markah)

**BAHAGIAN C**

Jawab DUA (2) soalan daripada bahagian ini. Beri jawapan berbentuk esei, tetapi yang padat dan berisi dengan fakta serta hujah.

4. Dengan memberi tumpuan kepada DUA (2) Teks Melayu Klasik *Hikayat Raja-Raja Pasai* dan *Sejarah Melayu*, bincangkan sambil memberi contoh-contoh:

- (a) tentang unsur-unsur yang menjadi bahan binaan teks-teks tersebut.
- (b) sama ada penyusun/pengarang teks yang terkemudian penghasilannya telah merujuk atau meminjam daripada teks yang terawal.

(30 markah)

5. Dengan merujuk kedua-dua teks *Hikayat Merong Mahawangsa* dan *Misa Melayu*, bandingkan aspek-aspek Realisme Sejarah (*Historical Realism*) yang terdapat di dalamnya.

(30 markah)

6. Dengan memberi tumpuan kepada sama ada *TuhfatAl-Nafis* ATAU *Syair Sultan Maulana*, bincangkan:

- (a) Tujuan penghasilan karya tersebut;
- (b) 'Etos' (*Ethos*) yang ditampilkan;
- (c) Gaya/Teknik penyampaian dalam teks itu.

(30 markah)